

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97**

**Oktober/November 1996**

**PGT 421 - Teori-Teori Pemelajaran Kognitif**

**[Masa : 3 jam]**

---

**Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Setiap soalan membawa markah yang sama.**

1. Proses kognitif mengenai ingatan adalah dikaji mengikut masa dan kod-kod.
  - i. Terangkan kod-kod analog (imajeri) dan analitik (simantik) secara ringkas.
  - ii. Apakah eksperiment-eksperiment yang membuktikan bahawa tindakan mental membentuk imej-imej yang mengambil masa seperti tindakan fizikal?
2. Tingkah laku guru semasa pengajaran boleh dianalisis dengan menggunakan pendekatan sains Hermeneutik.
  - i. Terangkan unsur-unsur penting mengenai pendekatan ini dan mengapa konsep TEXT itu dipentingkan.
  - ii. Dengan menganggap BAUM sebagai satu TEXT, terangkan secara ringkas penggunaan ujian ini dalam kaunseling.
3. i) Terangkan konsep pengubahsuaian tingkah laku dengan memberi penjelasan mengenai konsep pelaziman operan dan klasik.  
ii) Bagaimana teknik ini boleh digunakan untuk melatih kanak-kanak pra sekolah supaya tingkah laku berdisiplin diwujudkan?  
iii) Apakah kelemahan pendekatan ini?

4. Freud dan C.G. Jung mementingkan konsep ‘unconscious’ dalam kajian-kajian psikologi kanak-kanak mahupun orang-orang dewasa.
  - i. Terangkan persamaan dan perbezaan, di antara pandangan kedua-dua tokoh psikologi mengenai konsep ‘unconscious’.
  - ii. Mengapakah BAUM TEST dinamakan sejenis UJIAN ACCESS?  
Terangkan dengan merujuk kepada konsep ‘unconscious’.
5. Kelupaan ialah suatu fenomena psikologi yang dikaji secara luas oleh ahli-ahli psikologi.
  - i. Terangkan teori-teori yang penting mengenai kelupaan.
  - ii. Apakah teknik yang boleh digunakan untuk meningkatkan kuasa ingatan?. Terangkan juga kepentingan prinsip-prinsip Gestalt yang berkaitan kuasa ingatan.

- oooOooo -